

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[DISAGREEMENT OF SCHOLARS' VIEWS ON THE
BIOGRAPHY OF IMAM AL-SHATIBI]**

**PERSELISIHAN PANDANGAN ULAMA TENTANG
BIOGRAFI IMAM AL-SHATIBI**

WAN MOHD AL-HAFIZ WAN MUSTAPA¹
MUHAMAD HAMIDANI MUSTAPHA²
KAMARUL SHUKRI MAT THE^{3*}

¹ Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru
Kampus Kota Bharu, Kelantan

² Jabatan al-Quran dan Hadis, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) Nilam Puri
Kota Bharu, Kelantan

³ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin

*Corresponding author: kamarul@unisza.edu.my

Received Date: 9 Januari 2018 • Accepted Date: 9 Mei 2018

Abstract

This article aims to discuss about the differences between scholar's views on Imam al-Shatibi. These differences are divided into four parts: the origin of names, titles, sight defects, and migration to Egypt. These differences have led to misunderstanding among people about the real facts on Imam al-Shatibi. One of the factors that lead to this misunderstanding is attributed to some of the members of the al - Qur'an and al - Qiraat who are ignorant of this matter. This study will also present the answers to the differences so as to provide a complete explanation for this problem. This study is a qualitative study. Therefore, the findings are based on the documentation and investigation that has been analyzed using the text and content analysis methods. The findings suggest that the origin of the name of Imam al-Shatibi is closely related to heredity, language and marriage factors. The differences over his title were derived from several factors in the field of writing. The dispute over sight defects involves a period of time, while his migration factor to Egypt is not merely due to the pilgrimage.

Keywords: *Imam al-Shatibi, Qiraat Science, Qurra Biography, Imam Qiraat*

Abstrak

Artikel ini bertujuan membincangkan tentang perselisihan pandangan ulama tentang Imam al-Shatibi. Perselisihan tersebut dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu asal usul nama, gelaran, kecacatan penglihatan, dan penghijrahan ke Mesir. Perselisihan ini telah menimbulkan salah faham dalam kalangan masyarakat tentang perkara sebenar berkenaan Imam al-Shatibi. Antara faktor berlaku salah faham adalah berpunca daripada sebahagian ahli al-Quran dan al-Qiraat sendiri yang tidak arif tentang perkara tersebut. Kajian juga akan mengemukakan jawapan kepada

perselisihan terbabit seterusnya memberi penjelasan yang tuntas bagi permasalahan ini. Kajian ini adalah merupakan kajian kualitatif. Dapatan kajian adalah bersumberkan dokumentasi dan persejarahan yang dianalisis menggunakan metode analisis teks dan kandungan. Hasil kajian mendapati asal usul nama Imam al-Shatibi ini berkait rapat dengan faktor keturunan, bahasa dan perkahwinan. Perselisihan tentang gelaran beliau pula didapati berpunca daripada beberapa faktor antaranya dalam bidang penulisan. Perselisihan berkenaan kecacatan penglihatan adalah melibatkan tempoh umur, manakala faktor penghijrahan beliau ke Mesir bukan semata-mata kerana ingin menunaikan haji.

Kata kunci: Imam al-Shatibi, Ilmu Qiraat, Biografi Qurra, Imam Qiraat

Cite as: Wan Mohd Al-Hafiz Wan Mustapha, Muhammad Hamidani Mustapha & Kamarul Shukri Mat Teh. 2018. Perselisihan Pandangan Ulama Tentang Biografi Imam Al-Shatibi. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 18(1): 23-32

PENGENALAN

Imam al-Shatibi merupakan satu anugerah Allah SWT kepada umat Islam khasnya dalam bidang al-Quran. Dunia telah menyaksikan hasil keberkatan ilmu beliau sehingga al-Quran dibaca mengikut aliran al-Shatibiyyah oleh majoriti umat Islam sekarang. Ketokohan, kewarakan dan kealiman beliau telah mendapat banyak pujian daripada para ulama dari segenap bidang. Kitab beliau yang berjudul *Hirz al-Amani wa Wajhu al-Tahani* (حزر الأمانى ووجه التهاني) merupakan karya agung dalam bidang qiraat dan diguna pakai sehingga sekarang.

Antara ulama yang memuji Imam al-Shatibi ialah Imam Ibn Kathir (1996). Beliau mengatakan bahawa Imam al-Shatibi merupakan seorang yang sempurna agamanya, tekun beribadat, sentiasa tenang, dan hanya bercakap pada perkara yang perlu sahaja. Imam Abu Shamah (1981) pula telah mengarang satu syair pujian kepada Imam al-Shatibi. Syair tersebut dicipta sebagai suatu gambaran suasana sambutan masyarakat Mesir pada saat ketibaan Imam al-Shatibi di sana. Berkata Abu Shamah (1981) dalam Ibraz al-Ma'ani:

لقيت جماعة فضلاء فازوا # بصحبة شيخ مصر لشاطبي

وكلهم يعظمه كثيرا # كتعظيم الصاحبة للنبي

Maksud: Aku menemui satu jemaah yang bergembira dengan kedatangan Imam al-Shatibi di Mesir. Setiap daripada mereka mengagungkan dan memuliakan beliau bahkan seakan-akan pengagungan para sahabat kepada Nabi SAW.

Imam al-Nawawi juga ada menyebut tentang kehebatan dan kedalaman ilmu Imam al-Shatibi. Bahkan tiada orang yang mampu menandingi beliau pada kealiman dalam kepelbagaian ilmu yang dimiliki (Al-Qastallani, 1995). Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk meneliti kembali tentang perselisihan pandangan terhadap insan yang digelar al-Shatibi sehingga namanya sentiasa disebut-sebut ulama dan ilmunya sentiasa diamalkan oleh majoriti umat Islam di dunia zaman sekarang.

PERSELISIHAN PANDANGAN ULAMA TENTANG ASAL USUL NAMA

Nama beliau ialah al-Qasim bin Firruh bin Khalaf bin Ahmad al-Ru'aini al-Shatibi al-Andalusi al-Darir, iaitu dalam tulisan Arabnya adalah seperti berikut القاسم بن فيره بن خلف بن أحمد الرعيني الشاطبي الأندلسي لبطرير (Ibn Khallikan, 2009; al-Qafati, 1986; Ibn al-Jazari, t.t; al-Qastallani, 1995; al-Zahabi, 1991, 1996; al-Subki, 1992; Ibn Taghribirdi, 1972; al-Hanbali, 1991 & Yaqut al-Hamawi, 1993).

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari sudut sebutan pada perkataan فيره dan الراعي. Perkataan فيره di baca sama ada Firruh atau Fiyyurah (al-Shatibi, 2010a). Perkataan الراعي pula dibaca sama ada al-Rua'ini atau الراعي (al-Shatibi, 2010a).

Sesiapa yang memilih untuk membacanya dengan Fiyyurah, kebiasaannya akan memilih al-Ra'ini. Antara tokoh yang memilih bacaan tersebut adalah Muhammad Tamim al-Zu'bi, pentahqiq kitab Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani karangan Imam al-Shatibi (Al-Shatibi, 2010a).

Imam al-Shatibi diberi gelaran Abu Muhammad, ada yang memanggil beliau dengan nama Abu al-Qasim. Pada menentukan gelaran Abu al-Qasim, Ibn Khallikan atau Khillikan (2009) telah menafikan dakwaan tersebut. Beliau mengatakan, walaupun ada orang yang memanggil Imam al-Shatibi dengan gelaran Abu al-Qasim tetapi apa yang didapati di dalam sanad periwayatan al-Quran adalah Abu Muhammad al-Qasim (Ibn Khallikan, 2009). Hal ini bermaksud, nama sebenarnya beliau ialah al-Qasim dan Abu Muhammad ialah gelaran beliau.

Imam al-Zahabi (1990) pula berpendapat, sesiapa yang menjadikan Abu al-Qasim sebagai gelaran kepada Imam al-Shatibi sebenarnya mengambil gelaran tersebut daripada nama asal beliau. Yang sah, nama asal Imam al-Shatibi ialah al-Qasim dan gelaran beliau ialah Abu Muhammad. Pendapat ini mendapat sokongan daripada ramai ulama antaranya Imam al-Sakhawi sendiri selaku anak murid kepada Imam al-Shatibi dan al-Maqqari (1988) (Al-Zahabi, 1990).

Berkenaan nama Firruh atau Fiyyurah, nama tersebut bukan daripada bahasa Arab. Perkataan ini berasal daripada bahasa Latin yang berada di Andalus atau negara Sepanyol sekarang. Maksud Firruh atau Fiyyurah dalam bahasa Arab ialah besi (Ibn Khallikan, 2009).

Besi dalam bahasa Latin ialah Ferrum فيروم dalam Bahasa Perancis ialah Fer (فير) dan dalam bahasa Sepanyol pula ialah Hierro (هييروم). Justeru, nama Firruh atau Fiyyurah ini menggabungkan tiga Bahasa tersebut iaitu فير + روم + فيروم menjadi perkataan فيره (al-Zirikli, t.t).

Bagi perkataan الراعي terdapat perselisihan pendapat dalam kalangan ulama berkenaan bagaimana boleh disandarkan nama tersebut pada Imam al-Shatibi. Al-Ru'aini ini merujuk kepada satu kabilah di Yaman pada zaman dahulu. Perkataan tersebut diambil daripada رعيين iaitu salah satu ketua kabilah yang terkemuka di Yaman (Ibn Khallikan, 2009).

Justeru, ada pendapat mengatakan Imam al-Shatibi mendapat nama tersebut kerana nenek moyang beliau berasal daripada bangsa Yaman (al-Hanbali, 1991). Pendapat kedua pula mengatakan beliau mendapat nama tersebut selepas berkahwin dengan seorang wanita Yaman daripada kabilah al-Ru'aini al-Himyari semasa di Mesir (Al-Qafati, 1986). Namun begitu, pendapat pertama lebih dipersetujui oleh banyak ulama (Al-Qafati, 1986).

Nama al-Shatibi sebenarnya berasal daripada nama Shatibah, iaitu sebuah bandar yang besar dan mempunyai kota berkubu di sebelah timur Andalus. Bandar Shatibah berada di kedudukan 56 kilometer dari Balansiyah (Valencia) (Yaqut al-Hamawi, 1957).

Pada kurun pertengahan pemerintahan kerajaan Islam Andalus, bandar ini terkenal sebagai kilang kertas. Kertas yang dihasilkan sangat berkualiti dan mendapat sambutan hangat di pasaran. Kertas tersebut kemudiannya diberi nama al-Waraq al-Shatibi (kertas Shatibah). Namun, zaman tersebut tidak kekal. Pada tahun 1239 Masihi, Jack I (Raja Aragon) telah menakluk Shatibah seterusnya menghalau semua kaum Muslimin keluar dari bandar tersebut (Shakib Arslan, t.t).

Imam al-Shatibi mendapat nama al-Shatibi dan al-Andalusi kerana beliau dilahirkan di sana pada akhir tahun 538 Hijri (al-Safadiy, 1911; Ibn al-Jazari, t.t; al-Zahabi, 1996, 1997 & Ibn Salah, 1992). Justeru, disandarkan kepada beliau dua nama tersebut sebagai rujukan tentang tempat kelahiran beliau.

PERSELISIHAN PANDANGAN ULAMA TENTANG GELARAN AL-SHATIBI

Gelaran atau nama al-Shatibi merupakan satu nama yang masyhur dalam kalangan penuntut ilmu. Namun, nama ini tidak hanya dimiliki oleh seorang individu malah dikongsi oleh beberapa orang yang mempunyai bidang kepakaran ilmu yang berbeza. Justeru, terdapat kekeliruan dalam kalangan awam khasnya sarjana pada menentukan pemilik nama al-Shatibi dan bidang yang dikuasai empunya nama tersebut. Di sini, pengkaji berusaha untuk menyenaraikan beberapa kekeliruan yang berlaku dan penjelasan kepada kekeliruan tersebut.

Imam Ibn Malik

Sebahagian orang awam menganggap Imam al-Shatibi dan Imam Ibn Malik saling bertalaqqi dan sentiasa bertemu serta berkongsi ilmu. Malah, ada antara mereka menyatakan bahawa Imam al-Shatibi adalah seorang pakar dalam ilmu Nahu dan Imam Ibn Malik pula pakar dalam ilmu Qiraat. Justeru, dua orang tokoh tersebut ingin mengarang satu buku dalam bidang yang berbeza sehingga terhasil kitab Hirz al-Amani oleh Imam al-Shatibi dan kitab al-Alfiyah oleh Imam Ibn Malik (al-Qastallani, 1995).

Hakikatnya, tanggapan tersebut merupakan satu kekeliruan yang tidak disedari oleh orang awam. Untuk menjelaskan kekeliruan berkenaan betulkah dua tokoh ini saling bertalaqqi dan sentiasa berkongsi ilmu, cukup dengan meneliti satu perkara sahaja iaitu tarikh bagi kedua-dua tokoh tersebut sama ada tarikh kelahiran atau tarikh meninggal dunia. Imam al-Shatibi meninggal dunia pada tahun 590 H, manakala Imam Ibn Malik pula dilahirkan pada tahun 600 H (Al-Qastallani, 1995). Justeru daripada tarikh tersebut, cerita berkenaan Imam al-Shatibi dan Imam Ibn Malik saling bertalaqqi dan sentiasa berkongsi ilmu adalah ternafi dengan sendiri.

Walau bagaimanapun, memang tidak dinafikan bahawa Imam al-Shatibi dan Imam Ibn Malik menguasai kedua-dua bidang iaitu Qiraat dan Nahu. Namun, Imam al-Shatibi lebih masyhur dengan ilmu Qiraat dan Imam Ibn Malik lebih masyhur dengan ilmu Nahu. Bahkan, Imam Ibn Malik banyak mengambil manfaat daripada ilmu Imam al-Shatibi antaranya yang terzhahir dalam bentuk matan karangan beliau sendiri (Al-Qastallani, 1995).

Abd Al-Qadir Al-Baghdadi

Nama al-Shatibi sentiasa disebut dalam kitab karangan Abd al-Qadir al-Baghdadi seperti *Khizanah al-Adab* (1979) dan *Sharh Abyat Mughni al-Labib* (1988). Dikatakan di dalam kitab tersebut bahawa al-Shatibi merupakan individu yang mensyarahkan kitab al-Alfiyah (al-Baghdadi, 1979, 1988). Hal demikian adalah tidak tepat dan jawapannya telah dijelaskan pada huraian sebelum ini.

Setelah diteliti, kekeliruan ini berlaku bukan daripada Abd al-Qadir al-Baghdadi sendiri tetapi disebabkan salah faham dalam kalangan pentahqiq kitab beliau seterusnya diikuti oleh orang lain. Justeru, al-Shatibi yang dimaksudkan oleh Abd al-Qadir al-Baghdadi sebenarnya ialah Abu Ishaq Ibrahim bin Musa al-Shatibi al-Usuli al-Nahwi yang meninggal dunia pada tahun 790 H. Beliau merupakan pengarang bagi kitab al-Muwafaqat dan al-I'tisam (Joseph Elian Sarkis, 1928 & Umar Rida Kahhalah, 1993). Beliau juga merupakan individu yang telah mensyarahkan kitab al-Alfiyah Ibn Malik melalui kitab yang diberi nama al-Maqasid al-Shafiyyah fi Sharh Khulasah al-Kafiyyah.

Shakib Arslan

Salah satu kitab karangan Imam al-Shatibi ialah 'Aqilah Atrab al-Qasa'id fi Asna al-Maqasid. Kitab ini berkisar tentang penulisan al-Quran (rasm al-Quran) seperti yang termaktub di dalam Mashaf Uthmani dari sudut kesepakatan dan perbezaan bentuk tulisan dalam kalangan mashaf.

Walau bagaimanapun, telah berlaku sedikit kekeliruan pada penerangan berkenaan isi kandungan kitab tersebut. Shakib Arslan (t.t) mengatakan bahawa kitab 'Aqilah ini merupakan kitab kedua Imam al-Shatibi yang berkisar tentang perbezaan-perbezaan qiraat selepas Hirz al-Amani. Pada huraian beliau, kitab 'Aqilah dilihat sebagai pelengkap kepada Hirz al-Amani dari sudut tajwid dan tartil (Shakib Arslan, t.t).

Hakikatnya, kitab 'Aqilah langsung tidak membicarakan tentang tajwid mahupun tartil malah menghuraikan satu bidang ilmu lain yang dinamakan sebagai ilmu al-Rasm al-Qur'ani, iaitu ilmu penulisan al-Quran (al-Shatibi, 2010b). Justeru, kekeliruan yang berlaku ini mungkin disebabkan salah faham atau mungkin juga tersalah dari sudut percetakan, wallahua'lam.

Kitab Kashf Al-Zunun

Haji Khalifah (t.t) ada menyebut tentang Imam al-Shatibi di dalam kitab beliau *Kashf al-Zunun*. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit kekeliruan apabila sebuah kitab berjudul *Tatimmah al-Hirz min Qurra' A'immah al-Kanz* telah disandarkan kepada Imam al-Shatibi (Haji Khalifah, t.t). Hal yang sama turut berlaku dalam kitab *Hadiyyah al-'Arifin* (al-Babaniy, 1951) dan *Mu'jam al-Muallifin* (Umar Rida Kahhalah, 1993).

Hakikatnya, tokoh yang menjadi pengarang sebenar kepada kitab *Tatimmah al-Hirz* ialah Muhammad bin Muhammad al-'Adawi. Beliau mengarang kitab tersebut sebagai pelengkap kepada tujuh imam qiraat yang telah dihimpunkan oleh Imam al-Shatibi melalui kitab *Hirz al-Amani*. Kitab *Tatimmah* telah menambah tiga orang lagi imam qiraat iaitu Abu Ja'far, Ya'qub dan Khalaf seterusnya menjadikan jumlah imam qiraat daripada tujuh orang kepada 10 orang.

‘Umar Rida (1993) pula telah menambah dua lagi kekeliruan berkenaan kitab-kitab karangan Imam al-Shatibi. Beliau telah menyandarkan kepada Imam al-Shatibi kitab al-Wasilah ila Kashf al-‘Aqilah dan Ibraz al-Ma‘ani min Hirz al-Amani. Kedua-dua kitab tersebut bukan dikarang oleh Imam al-Shatibi tetapi dikarang oleh al-Sakhawi (Wasilah ila Kashf al-‘Aqilah) dan Abu Shamah (Ibraz al-Ma‘ani min Hirz al-Amani).

Kekeliruan yang berlaku ini mungkin disebabkan nama bagi setiap kitab tersebut ada persamaan dengan kitab asal karangan Imam al-Shatibi iaitu kitab ‘Aqilah dan kitab Hirz al-Amani. Walau bagaimanapun, kedua-dua pengarang asal kepada Wasilah dan Ibraz ini hakikatnya mempunyai hubungan yang dekat dengan Imam al-Shatibi. Al-Sakhawi sebagai contoh, merupakan antara murid Imam Shatibi yang banyak meriwayatkan ilmu daripada beliau. Manakala Abu Shamah pula merupakan murid kepada al-Sakhawi yang kemudiannya menjadi pakar rujuk bidang Qiraat selepas beliau.

PERSELISIHAN PANDANGAN ULAMA TENTANG KECACATAN PENGLIHATAN

Menurut kebanyakan riwayat, beliau ialah seorang yang buta (al-Zahabi, 1996; al-Qafati, 1986; al-Safadiy, 1911; Ibn Khallikan, 2009 & Ibn al-Jazari, t.t). Perkara ini turut diceritakan oleh Imam Ibn al-Jazari sendiri dalam kitab Ghayah al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra’ (Ibn al-Jazari, t.t). Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama berkenaan bila beliau buta. Sebahagian ulama berpendapat beliau buta sejak dilahirkan. Sebahagian ulama lain berpendapat beliau belum buta semasa dilahirkan, tetapi buta tidak lama selepas kelahiran dalam usia yang masih kecil.

Pendapat yang mengatakan beliau dilahirkan dalam keadaan buta ini lebih tersebar luas dalam kalangan penuntut ilmu berbanding pendapat kedua. Namun jika diteliti lafaz periwayatan pendapat pertama tersebut, terdapat sedikit lompong yang boleh membawa kepada kesahihan pendapat kedua. Sebagai contoh, Imam Ibn al-Jazari (t.t) berkata dalam Ghayah al-Nihayah:

بلغنا أنه ولد أعمى

Maksud: Sampai berita kepada kami bahawa dia (Imam al-Shatibi) dilahirkan buta.

Jelas di sana, lafaz دُلَّ (dia dilahirkan) tersebut boleh menimbulkan persoalan sama ada beliau buta semenjak lahir atau selepas kelahiran. Pada riwayat yang lain, para ulama menyifatkan Imam al-Shatibi ialah seorang buta yang cerdik sehingga jika sesiapa tidak mengenali beliau maka tidak akan menyangka bahawa beliau ialah seorang yang buta disebabkan kecerdikan beliau (al-Safadiy, 1911). Contoh riwayatnya seperti berikut:

كان يجلس إليه من لا يعرفه فلا يرتاب به أنه يبصر لذكائه , ولا يظهر منه ما يدل على العمى

Al-Qastallani (1995), al-Baghdadi (1979) dan Yaqut al-Hamawi (1957) pula merupakan antara ulama yang berpegang pada pendapat kedua. Mereka berpendapat, Imam al-Shatibi dilahirkan dalam keadaan celik, dan menjadi buta tidak lama selepas itu. Antara kalam al-Baghdadi (1979) ialah:

Maksud: Dan aku mengambilnya daripada tulisan al-Shatibi..

Manakala petikan daripada kalam Yaqut al-Hamawi (1957) berkenaan keadaan Imam Shatibi ialah:

ودفن في مقبرة البيساني بسارية مصر بعد أن أضر

Maksud: dan dikebumikan (Imam Shatibi) di Perkuburan al-Baysani di Mesir selepas beliau menjadi buta..

Daripada perselisihan pendapat tersebut, tiada masalah jika ingin memilih pendapat pertama tetapi pendapat kedua juga ada benarnya. Ini kerana keadaan buta selepas kelahiran atau semasa kecil ini merupakan perkara biasa berlaku dalam masyarakat. Yang jelas, Imam Shatibi pada saat dunia mengenali beliau, beliau ialah seorang yang buta. Ini ialah perkara yang tidak dipertikaikan oleh semua ulama.

PERSELISIHAN PANDANGAN ULAMA TENTANG PENGHIJRAHAN KE MESIR

Seperti huraian sebelum ini, Imam al-Shatibi dilahirkan pada tahun 538 H di Shatibah, Andalus. Kelahiran beliau adalah dalam suatu zaman yang penuh dengan peristiwa. Andalus pada ketika ini diperintah oleh kerajaan al-Murabitun sebelum bertukar kepada kerajaan al-Muwahhidun (al-Kayyali, 1981; al-Maqqari, 1988 & Ibn Kathir, 1996).

Imam al-Shatibi menjalani kehidupan di bawah pemerintahan al-Murabitun sehingga tahun 541 H. Apabila kerajaan al-Muwahhidun mengambil alih tampuk pemerintahan, Imam al-Shatibi masih lagi berada di Andalus sehingga ke tahun 571 H. Sepanjang tempoh masa tersebut, beliau tekun menuntut ilmu dari satu daerah ke daerah yang lain di Andalus.

Pada tahun 572 H, Imam al-Shatibi telah berhijrah dari Andalus ke Mesir dan meninggal dunia di sana (al-Kayyali, 1981). Maklumat yang tersebar luas dalam kalangan masyarakat Islam ialah Imam al-Shatibi berhijrah ke Mesir kerana ingin menunaikan fardu haji melalui jalan Iskandariah (al-Zahabi, 1991).

Namun, sebenarnya terdapat riwayat lain yang menafikan maklumat tersebut. Bagi pendapat ini, hujah untuk menunaikan fardu haji hanya sebagai alasan bagi membolehkan beliau berhijrah ke Mesir (al-Zahabi, 1991).

Imam al-Zahabi (1991) ada menyebut berkenaan perkara sebenar yang berlaku sehingga menyebabkan Imam al-Shatibi mengambil keputusan untuk berhijrah. Menurut beliau, Imam al-Shatibi mempunyai ramai murid yang hadir sama ada untuk belajar al-Quran dan ilmu-ilmu agama atau untuk mendengar khutbah tentang pengislahan masyarakat Islam. Antara dua himpunan yang dibuat, Imam al-Shatibi lebih suka kepada himpunan ilmu kerana dapat mendidik dan mengajar para murid tentang al-Quran.

Berkenaan khutbah pula, perkara ini tidak mempunyai sebarang masalah pada peringkat awal. Walau bagaimanapun, beberapa masalah mula terbit apabila mendapat perhatian daripada pihak

pemerintah. Imam al-Shatibi mula mengurangkan sesi khutbah beliau dan menolak secara baik pelawaan pihak pemerintah supaya disampaikan khutbah ke seluruh pelosok Shatibah. Penolakan tersebut kerana beliau tidak menyukai apabila diarahkan supaya diselitkan puji-pujian yang berlebihan terhadap pemerintah sehingga menafikan apa yang hak dan apa yang batil. Pada pandangan beliau, perbuatan tersebut merupakan perkara aib dari sudut ilmu dan mencemarkan kemuliaan Islam (al-Zahabi, 1991).

Penolakan dan keengganan beliau pada perkara tersebut merupakan faktor utama yang menyebabkan penghijrahan ke Mesir. Justeru, Imam al-Shatibi menzahirkan hajat beliau untuk menunaikan fardu haji sebagai alasan untuk menolak permintaan pihak pemerintah pada ketika itu.

Selepas berjaya keluar dari Andalus dan menetap di Mesir, beliau tidak pernah menjejakkan kaki lagi di Shatibah demi menjaga ilmu dan agama (al-Zahabi, 1991).

Kesimpulan yang dapat diambil ialah faktor penghijrahan Imam al-Shatibi ke Mesir bukan kerana untuk menunaikan fardu haji semata-mata, bahkan terdapat perkara lain yang lebih getir dan penting yang perlu diselamatkan iaitu kejujuran pada ilmu dan ketaatan pada agama. Ibadah haji hanya sebagai hujah bagi membolehkan beliau keluar dari Andalus dan berhijrah ke bumi Mesir bagi menyebarkan ilmu dan berdakwah di sana.

Mesir pada ketika ini berada bawah pemerintahan kerajaan Fatimiyyah Syi'iyah Isma'iliyyah (al-Kayyali, 1981). Kerajaan ini semasa penghijrahan Imam al-Shatibi sedang di ambang kejatuhan khususnya selepas kematian al-'Adid Abi Muhammad Abdullah, khalifah terakhir kerajaan Fatimiyyah pada 567 H (al-Kayyali, 1981 & Ibn Kathir, 1996).

Sementara itu, Salahuddin Yusuf bin Ayyub atau lebih dikenali sebagai Salahuddin al-Ayyubiy merupakan salah seorang menteri semasa pemerintahan al-'Adid. Selepas kematian al-'Adid, Salahuddin telah mengambil alih tampuk pemerintahan dan mengasaskan kerajaan al-Ayyubiyyah al-Sunniyyah sebelum melakukan perubahan yang besar terhadap sistem kerajaan sebelum ini. Antara yang masyhur, beliau telah menutup Universiti al-Azhar selama lima tahun bagi menggubal kembali manhaj universiti daripada Shi'ah kepada Sunni (al-Kayyali, 1981).

Kejayaan teragung Salahuddin al-Ayyubiy ialah pembukaan Baitul Maqdis daripada pihak tentera salib pada tahun 583 H. Imam al-Shatibi yang sudah berada di Mesir pada waktu ini telah berangkat pergi ke Baitul Maqdis untuk menziarahi Salahuddin al-Ayyubiy seterusnya mengucapkan tahniah kepada beliau atas kejayaan teragung tersebut. Imam Shatibi telah menjadi saksi keikhlasan dan kesungguhan Salahuddin al-Ayyubiy dalam mendaulatkan Islam sehingga ke hembusan nafas yang terakhir. Salahuddin al-Ayyubiy telah kembali mengadap Allah SWT pada tahun 589 H, yang kemudiannya diikuti oleh Imam al-Shatibi setahun selepas beliau, iaitu 590 H dan dikebumikan di Jabal Muqattam, Kaherah (al-Zahabi, 1996).

Semasa berada di Mesir, Imam al-Shatibi telah dilantik oleh al-Qadi al-Fadil Abd al-Rahim bin Ali al-Baysani (w 596 H) sebagai pakar rujuk al-Quran dan mengajar di sekolah beliau, al-Madrasah al-Fadiliyyah. Al-Qadi al-Fadil ini merupakan salah seorang menteri kepada kerajaan al-Ayyubiyyah al-Sunniyyah dan orang kanan kepada Salahuddin al-Ayyubiy. Di madrasah tersebut, Imam al-Shatibi mengajar al-Quran, al-Qiraat, bahasa Arab, Nahu, Hadith dan ilmu-ilmu lain di samping menyebarkan dakwah kepada masyarakat setempat (al-Zahabi, 1996).

PENUTUP

Demikian kajian ringkas berkenaan Imam al-Shatibi dan beberapa penjelasan tentang kekeliruan mengenai beliau. Abu Muhammad al-Qasim bin Firruh atau lebih dikenali sebagai Imam al-Shatibi ini adalah antara tokoh ulama Qiraat yang masyhur sehingga sekarang. Selain kitab Hirz al-Amani yang menjadi kitab rujukan utama bagi sesiapa sahaja yang mendalami ilmu al-Qiraat, terdapat juga kitab-kitab dalam ilmu lain antaranya ilmu al-Rasm al-Qur'ani seperti 'Aqilah Atrab al-Qasa'id fi Asna al-Maqasid dan ilmu Fawasil seperti Nazimah al-Zuhr. Kecacatan penglihatan tidak menjadi alasan untuk tidak menguasai bidang al-Quran dan al-Qiraat sehinggakan ketokohan dan kealiman beliau dalam bidang ini sememangnya diakui oleh seluruh umat manusia. Malahan, setiap kali beliau diuji dengan sebarang kesakitan sama ada sakit biasa atau sakit yang bersangatan, hanya ungkapan al-'Afiyah (قيفا علا) yang beliau tuturkan di saat menjawab pertanyaan seseorang. Bagi beliau, mengadu kepada manusia adalah sebahagian daripada tanda-tanda kelemahan iman dan keraguan pada kekuasaan Allah SWT (Ibn Khallikan, 2009; al-Qafati, 1986; al-Maqqari, 1988 & al-Qastallani, 1995).

RUJUKAN

- Abu Shamah, 'Abd al-Rahman bin Isma'il. (1981). Ibraz al-Ma'ani min Hirz al-Amani. Kaherah: Mustafa al-Babiy al-Halabiy
- Al-Babaniy, Isma'il bin Muhammad Amin bin Basha al-Baghdadi. (1951). Hadiyyah al-'Arifin Asma' al-Mu'allifin wa Athar al-Musannifin. Beirut: Maktabah al-Muthanna
- Al-Baghdadi, 'Abd al-Qadir bin 'Umar. (1988). Sharh Abyat Mughni al-Labib. Beirut: Dar al-Ma'mun li al-Turath
- Al-Baghdadi, 'Abd al-Qadir bin 'Umar. (cet ke-2, 1979). Khizanah al-Adab. Kaherah: Al-Hai'ah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab
- Al-Hanbali, Ibn 'Imad. (1991). Shazarat al-Zahab fi Akhbar Man Zahab. Kaherah: Dar Ibn Kathir
- Al-Kayyali, 'Abd al-Wahhab. (1981). Mawsu'ah al-Siyasiyyah. Beirut: Al-Muassasah al-'Arabiyyah li al-Dirasat wa al-Nashr
- Al-Maqqari, Ahmad bin Muhammad al-Tilmisaniy. (1988). Nafh al-Tib min Ghusn al-Andalus al-Ratib. Beirut: Dar Sadir
- Al-Qafati, Jamal al-Din 'Ali bin Yusuf. (1986). Inbah al-Ruwah 'ala Anbah al-Nuhah. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiy
- Al-Qastallani, Shihab al-Din Ahmad bin Muhammad. (ed. Muhammad Hasan Musa, 1995). Mukhtasar al-Fath al-Mawahibi fi Manaqib al-Imam al-Shatibi. Jeddah: Al-Jama'ah al-Khairiyyah li Tahfiz al-Qur'an al-Karim
- Al-Safadiy, Salah al-Din Khalil bin Aybik. (1911). Nakt al-Himyan fi Nakt al-'Umyan. Kaherah: Dar al-Madinah
- Al-Shatibi, Abu Muhammad al-Qasim bin Firruh bin Khalaf bin Ahmad al-Ru'aini al-Andalusi. (2010a). Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani. Madinah: Dar al-Huda
- Al-Shatibi, Abu Muhammad al-Qasim bin Firruh bin Khalaf bin Ahmad al-Ru'aini al-Andalusi. (2010b). 'Aqilah Atrab al-Qasa'id fi Asna al-Maqasid. Jeddah: Dar Nour al-Maktabat
- Al-Subki, 'Abd al-Wahhab bin 'Ali. (1992). Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra. Kaherah: Hajr li

al-Tiba'ah wa al-Nashr

- Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman. (1990). *Tarikh al-Islam*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabiyy
- Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman. (1991). *Al-I'lam bi Wafayat al-A'lam*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir
- Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman. (1996). *Siyar A'lam al-Nubala'*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah
- Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman. (1997). *Ma'rifah al-Qurra' al-Kibar 'ala al-Tabaqat wa al-A'sar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Zirikli, Khayr al-Din. (cet-6, t.t). *Al-A'lam*. Kaherah: Dar al-'Ilm li al-Malayin
- Haji Khalifah, Mustafa bin Abdullah. (t.t). *Kashf al-Zunun 'an Usami al-Kutub wa al-Funun*. Beirut: Maktabah al-Muthanna
- Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf. (t.t). *Ghayah al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra'*. Kaherah: Maktabah al-Mutanabbiy
- Ibn Kathir, 'Imad al-Din bin Kathir. (1996). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Kaherah: Dar Abi Hayyan
- Ibn Khallikan, Shams al-Din Muhammad bin Abi Bakr bin Khallikan. (2009). *Wafayat al-A'yan wa Anba' Abna' al-Zaman*. Beirut: Dar Sadir
- Ibn Salah, Abu 'Amr 'Uthman bin 'Abd al-Rahman. (1992). *Tabaqat al-Fuqaha' al-Shafi'iyah*. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah
- Ibn Taghribirdi, Abu al-Mahasin Yusuf bin Taghribirdi. (1972). *Al-Nujum al-Zahirah fi Muluk Misr wa al-Qahirah*. Kaherah: Al-Hai'ah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab
- Joseph Elian Sarkis. (1928). *Mu'jam al-Matbu'at al-'Arabiyyah wa al-Mu'rabah*. Kaherah: Matba'ah Sarkis
- Shakib Arslan. (t.t). *Al-Hulal al-Sundusiyyah*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Islamiy
- 'Umar Rida Kahhalah. (1993). *Mu'jam al-Mu'allifin*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah
- Yaqut al-Hamawi. (1957). *Mu'jam al-Buldan*. Beirut: Dar Sadir
- Yaqut al-Hamawi. (1993). *Mu'jam al-Udaba' Irshad al-Arib ila Ma'rifah al-Adib*. Tunisia: Dar al-Gharb al-Islamiy